

IMPAK QIRAAT SEPULUH TERHADAP TAFSIRAN AYAT-AYAT MUNAKAHAT DAN PENJELASAN HUKUMNYA

AHMAD SYAHIR BIN AHAMAD NZLY (FPPI, KUIS)

syahirnzly@kuis.edu.my

0193985845

ZAWAWI BIN TEMYATI (ACIS, UITM)

zawawitemyati@salam.uitm.edu.my

0192482593

SAYYIDAH MARYAM AIMAN BINTI SURTAHMAN (FPPI, KUIS)

sma.syidah@yahoo.com

0133106786

ABSTRAK

Qiraat merupakan sebuah cabang ilmu yang sangat penting untuk dipelajari oleh para penuntut di dalam bidang pengajian Islam khususnya dan masyarakat amnya. Hal yang demikian adalah kerana, melalui pengetahuan yang jelas terhadap ilmu ini, akan menghasilkan pemahaman yang mendalam dan menyeluruh terhadap agama Islam. Namun, pengajian qiraat di Malaysia lebih memberi penekanan tentang perincian berkenaan pembacaan dan kurang memberikan tumpuan terhadap aspek tafsiran dan impaknya di dalam perbahasan fiqh. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas berkenaan perbezaan qiraat sepuluh dan impaknya terhadap penafsiran al-Quran dengan menjadikan ayat-ayat munakahat sebagai sampel kajian. Metodologi yang digunakan adalah kaedah analisis kandungan secara tematik dan kualitatif dengan mengenal pasti ayat-ayat yang berkaitan munakahat di dalam al-Quran. Seterusnya menunjukkan bagaimana perbezaan qiraat pada ayat tersebut memberi impak terhadap tafsiran dan penentuan hukum fiqh al-Quran. Kajian mendapati, dengan perubahan qiraat membawa kepada perubahan tafsiran dan penjelasan hukum fiqh. Tambahan pula, dengan menggabungkan perbezaan tersebut dapat menghasilkan pemahaman yang lengkap terhadap ayat al-Quran dengan lebih menyeluruh kerana ayat al-Quran itu sendiri bersifat menafsirkan dan ditafsirkan antara satu dengan yang lain.

Kata Kunci: Impak, Qiraat Sepuluh, Tafsiran, Ayat-Ayat Munakahat, Hukum

1. Pendahuluan

Ilmu Qiraat merupakan salah satu cabang ilmu al-Quran yang amat penting. Hal ini kerana, melalui disiplin ilmu ini, para ilmuan Islam dalam bidang ini telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan pembahagian jenis qiraat, tokoh-tokoh utama sama ada dari Qiraat tujuh, lapan, sepuluh dan sebagainya serta kaedah sebutan dan bacaan al-Quran. Namun, pengajian dan pembelajaran Ilmu Qiraat tidak hanya terberhenti pada cara pembacaan al-Quran sahaja bahkan perlu dipandang secara kolektif bersama cabang-cabang ilmu yang lain khususnya Ilmu Tafsir dan Fiqh Munakahat serta akan menghasilkan konsep maqasid ilmu al-Quran dan al-Qiraat yang bertepatan dengan maqasid syariah. Prinsip Maqasid Syariah yang digariskan di dalam Islam terdapat lima iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Ilmu Qiraat mempunyai kaitan yang signifikan terhadap tafsiran ayat-ayat al-Quran yang berkaitan fiqh munakahat. Bahkan para ulama meletakkan qiraat sebagai salah satu cabang metodologi penafsiran al-Quran dengan al-Quran khususnya di dalam memahami maksud ayat-ayat munakahat dan penjelasan hukumnya. Melalui perbezaan qiraat tersebut, ayat-ayat al-Quran dapat difahami dengan lebih baik kerana setiap cara bacaan tersebut melengkapi dan menafsirkan serta memberi impak terhadap fiqh munakahat antara satu ayat dengan yang lain di samping menjelaskan hukum fiqhnya. Hasilnya, pemahaman al-Quran khususnya berkaitan ayat-ayat munakahat dapat diselarakan dengan tuntutan maqasid Syariah yang telah digariskan oleh ulama silam di dalam agama Islam.

2. Definisi Qiraat

Kertas kerja ini membincangkan tentang perbezaan Qiraat sepuluh *al-mutawatirah al-sughra* dengan berpandukan matan Qiraat *al-Syatibiyah* atau nama lainnya *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani* karangan Imam Al-Syatibi dan matan Qiraat *al-Durrah al-Madhiah* karangan Imam Ibn al-Jazari. Ianya merangkumi sepuluh Imam Qiraat iaitu Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah, Kisaie, Abu Jaafar, Yaakub dan Kholaf al-'Asyir.

Ilmu Qiraat merupakan suatu ilmu yang diketahui daripada kesepakatan para periwayat bagi kitab Allah iaitu Al-Quran dalam kalangan Imam Qiraat yang sepuluh dan perbezaan pendapat mereka di dalam Bahasa Arab, *i'rab*, *hazaf*, *ithbat*, *tahrik*, *iskan*, *fasl*, *ittisol*, dan seumpamanya daripada segi bunyi dan pertukaran yang disebabkan oleh pendengaran (Ahmad Muhammad, 2012).

3. Definisi Ayat-Ayat Munakahat

Perkataan munakahat di dalam bahasa Arab dimaksudkan dengan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan perkahwinan. Kajian berkenaan ayat-ayat munakahat telah dilakukan oleh ilmuwan dari dunia Arab mahupun Asia dengan memberi fokus kepada ilmu tentang perkahwinan sebelum, semasa dan selepas. Kajian ini akan memfokuskan ayat-ayat al-Quran yang memberi penekanan terhadap soal perkahwinan dan mengkhususkan kepada isu rumah tangga antara suami dan isteri.

4. Kesan Qiraat Terhadap Tafsir Al-Quran

Ilmu Qiraat tidak hanya terhad kepada perbincangan cara membaca al-Quran khususnya ayat-ayat munakahat sahaja. Bahkan ilmu tersebut sangat penting dalam memahami intipati ayat suci dan penjelsan hukum fiqh yang terkandung di dalamnya. Hal ini kerana memahami al-Quran melalui perbezaan qiraat merupakan di antara cabang kaedah *tafsir al-Quran Bi al-Quran* (Qajwi, Muhammad: 2015). Setiap bacaan yang berbeza terhadap sebuah ayat sebenarnya saling melengkapi di antara satu sama lain sehingga menatijahkan satu makna yang lengkap dan sempurna serta *syumul* di dalam ajaran agama Islam. Sekiranya setiap cabang qiraat perlu dipamerkan dalam bentuk ayat yang berlainan maka ia akan mengakibatkan al-Quran menjadi teks yang sangat panjang (Al-Suyuti: 1987). Oleh itu, jelaslah bahawa al-Quran itu menafsirkan dirinya sendiri di antara satu sama lain melalui ayat-ayat di dalamnya khususnya ayat-ayat yang berkaitan fiqh munakahat.

4.1 Perubahan Struktur Perkataan Sama Ada Dengan Pertambahan Atau Pengurangan Huruf

Perbezaan qiraat al-Quran sama ada *mutawatir* atau *shadz* menghasilkan kepelbagaian dan keluasan makna dalam penafsirannya. Bahkan ia mampu untuk menghilangkan kesamaran pada makna ayat-ayat tersebut dengan mengkhususkan atau memperincikan makna ayat yang umum (Al-Zubaidi, Muneer: 2019). Justeru, perbezaan bacaan pada ayat-ayat suci al-Quran bukan bersifat sia-sia bahkan menghasilkan penerangan yang lebih sempurna terhadap kehendak Allah S.W.T melalui kalamNya.

Kajian menunjukkan bahawa perbezaan qiraat boleh berlaku dalam bentuk menambah atau mengurangkan huruf sekaligus mengubah struktur perkataan

tersebut lantas memberikan kesan pada sudut makna. Oleh itu, Al-Rasyidi (2009) di dalam kajiannya merumuskan bahawa:

" الزيادة في المبني تدل على الزيادة في المعنى "

Maksudnya: Penambahan pada struktur (perkataan) membawa kepada penambahan pada makna

Misalnya dapat dilihat apabila para Qurra' berbeza pendapat dalam membaca kalimah "مالك" pada ayat 4 dalam Surah al-Fatihah:

(مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴿٤﴾)

Maksudnya: Yang Menguasai pemerintahan hari Pembalasan (hari Akhirat)

Imam 'Asim, al-Kisaie, Yaakub dan Kholaf al-'Asyir membacanya dengan menambah huruf alif di antara huruf mim dan lam. Bacaan ini merupakan bacaan para sahabat dan tabien antaranya Ibn Mas'ud, Muadz bin Jabal, Ibn 'Abbas, Qatadah dan al-A'masy (Ibn Hayyan: 2000). Imam al-Tabari (2000) berpendapat bahawa "مالك" berasal daripada perkataan "مَلِكًا - مَلِكٌ - مَلِكٌ" yang membawa maksud memiliki seperti memiliki duit atau pakaian (Ibn Manzhur: 1994). Justeru di dalam konteks ia membawa makna bahawa tiada siapa yang menjadi pemilik pada hari itu melainkan Allah S.W.T (Al-Thabari: 2000). Situasi ini menjelaskan bahawa hanya Allah S.W.T sahaja yang berhak ke atas hari tersebut selaku pemilik tunggal seperti yang digambarkan oleh Allah S.W.T di dalam Surah al-Naba', ayat ke 38 yang berbunyi:

(لَا يَتَكَلَّمُونَ إِلَّا مَنْ أَذِنَ لَهُ الرَّحْمَنُ وَقَالَ صَوَابًا ﴿٣٨﴾)

Maksudnya: Tidak ada yang berani berkata-kata (memohon pertimbangan) melainkan yang telah diizinkan baginya oleh Tuhan Yang Maha Pemurah, serta ia berkata benar.

Manakala bacaan lain bagi kalimah tersebut adalah dengan membuang alif di antara huruf mim dan lam "ملك" seperti yang dibaca oleh Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, Hamzah dan Abu Jaafar. Qiraat ini juga dibaca

oleh Abi Darda', Ibn 'Umar dan ramai para sahabat dan tabien. Kalimah "ملك" berasal daripada "مَلِكٌ - مَلِكٌ - مَلِكٌ" yang membawa maksud raja. Maka bacaan ini membawa maksud bahawa pada Hari Kiamat nanti Allah S.W.T merupakan raja yang sebenar dan yang menguasai makhluknya pada hari tersebut. Hal ini sebahagian makhlukNya pernah menjadi "raja di dunia" malah berperang dan bergaduh deminya serta mempertahankan jawatan tersebut dengan penuh kebanggan dan perasaan takabbur. Namun pada Hari Kiamat nanti, semua akan akur dan tunduk pada Raja sekalian raja, iaitu Allah 'Azza Wa Jalla.

4.2 Perubahan Pada Struktur Perkataan Sama Ada Melalui Pertukaran Huruf Atau Baris

Kajian juga menunjukkan bahawa perbezaan qiraat juga boleh berlaku dalam bentuk perubahan pada struktur perkataan sama ada melalui pertukaran huruf atas baris tanpa sebarang penambahan atau pengurangan pada struktur perkataan. Misalnya perbezaan qiraat pada kalimah "يَبْدُؤُا" dalam Surah al-Rum, ayat 27:

(وَهُوَ الَّذِي يَبْدُؤُا الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَهُوَ أَهْوَنُ عَلَيْهِ)

Maksudnya: Dan Dia lah yang memulakan kejadian sekalian makhluk, kemudian Ia mengembalikannya (hidup semula sesudah mereka mati), sedang perlaksanaan yang demikian amatlah mudah bagiNya.

Ibn Mas'ud dan Ibn 'Umar membaca perkataan tersebut dengan meletakkan baris *dhommah* pada huruf ya dan baris *kasrah* pada huruf dal "يَبْدُؤُا" berpandukan kepada perkataan "أَبْدَأَ - يَبْدُؤُا" (Al-Qurtubi: 2003). Contoh seterusnya juga dapat dilihat pada firman Allah S.W.T dalam Surah al-Baqarah, ayat ke 140 yang berbunyi:

(أَمْ تَقُولُونَ إِنَّ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطَ كَانُوا هُودًا أَوْ نَصَارَىٰ)

Maksudnya: "Atau patutkah kamu mengatakan, bahawa Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Yaakub beserta anak-anaknya, mereka semua adalah orang-orang Yahudi atau Nasrani, (padahal ugama mereka telahpun ada sebelum adanya ugama Yahudi atau ugama Kristian itu)?"

Imam Ibn ‘Amir, Hafis, Hamzah, al-Kisaie, Ruwais dan Kholaf al-‘Asyir membaca perkataan "تَتَوَلَّوْنَ" dengan huruf ta *al-Mukhotobah*. Bacaan ini dipilih oleh para Qurra’ tersebut ikutan kesinambungan ayat ini dengan ayat sebelum dan selepasnya. Kaedah ini dinamakan sebagai Ilmu *al-Munasabat* di dalam Ulum al-Quran. Jika diteliti ayat sebelum dan selepasnya, Allah S.W.T menggunakan lafaz *Al-Mukhotob* seperti yang disebut pada ayat 138 dan 140, maka dikekalkan cara bacaan tersebut mengikut konteks ayat:

(قُلْ أَتُحَاجُّونَنَا فِي اللَّهِ وَهُوَ رَبُّنَا وَرَبُّكُمْ وَلَنَا أَعْمَلُنَا وَلَكُمْ أَعْمَلُكُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُخْلِصُونَ)

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Patutkah kamu (hai kaum Yahudi dan Nasrani) membuat bantahan terhadap kami mengenai pilihan Allah dan pengurniaanNya ? Padahal Dia lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami (faedah) amal kami dan bagi kamu pula (faedah) amal kamu (kalau diikhhlaskan), dan kami adalah (mengerjakan amal dengan) ikhlas kepadaNya;

(قُلْ ءَأَنْتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ)

Maksudnya: "Katakanlah (wahai Muhammad): "Adakah kamu yang lebih mengetahui atau Allah?"

Walaubagaimanapun, Imam Nafi’, Ibnu Kathir, Abu ‘Amru, rawi Syukbah, Abu Jaafar dan rawi Ruh membacanya dengan huruf ya *al-Ghaib* "يَتَوَلَّوْنَ". Mereka juga berhujah dengan menggunakan munasabat ayat sebelumnya yang digunakan dalam konteks *al-Ghaib* seperti yang dinyatakan pada ayat 137 yang berbunyi:

(فَإِنْ ءَامَنُوا بِمِثْلِ مَا ءَامَنْتُمْ بِهِ فَقَدِ اهْتَدَوْا وَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿١٣٧﴾)

Maksudnya: Maka kalau mereka beriman sebagaimana kamu beriman (dengan Kitab-kitab Allah dan Rasul-rasulnya), maka sesungguhnya mereka telah beroleh petunjuk; dan jika mereka berpaling (serta tidak mahu beriman dengan sebenar-benar iman) maka sesungguhnya mereka akan tinggal berkekalan dalam perbalahan dan permusuhan (dengan kamu); oleh itu (janganlah engkau khawatir wahai Muhammad) kerana Allah akan memeliharamu (dan umatmu) dari kejahatan mereka; dan Dia lah jua Yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Bacaan Qiraat yang pelbagai ini tidak menghasilkan makna yang kontradik di antara satu sama lain. Akan tetapi kepelbagaian ini sekiranya difahami secara bersama membuahkan gambaran yang lebih lengkap dan sempurna tentang kehendak Allah S.W.T melalui kalamNya. Bahkan cara ini merupakan cara terbaik untuk memahaminya (Al-Qisi, Makki: 1984). Misalnya bacaan sama ada secara al-Takhfif atau al-Tasydid pada kalimah "يَكْذِبُونَ" dalam Surah al-baqarah, ayat ke 10:

(فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾)

Maksudnya: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran).

Kesemua cara bacaan ini sebenarnya kembali kepada makna yang sama. Sesiapa yang mendustakan risalah yang dibawa oleh nabi dan kenabiannya maka dia adalah penipu "كَاذِبٌ". Manakala sesiapa yang mendustakan Allah S.W.T dan wahyuNya maka dia juga merupakan penipu "مُكَدِّبٌ" terhadap apa yang diturunkan oleh Allah S.W.T (Al-Qisi, Makki: 1984).

5. Analisis Perbezaan Qiraat Sepuluh dan Impaknya Terhadap Tafsiran Ayat-Ayat Munakahat dan Penjelasan Hukumnya

Kajian mendapati bahawa terdapat banyak ayat di dalam al-Quran yang mengandungi kisah dan cerita tentang fiqh munakahat yang terdapat padanya perbezaan cara bacaan atau qiraat dalam kalangan Imam Qiraat sepuluh mengikut thoriq al-Syatibiyah dan al-Durrah al-Madhiah (Jamaluddin, 2006). Namun hanya 3 sampel sahaja yang dikemukakan di sini sebagai contoh.

5.1 Ayat 222, Surah Al-Baqarah

Ayat ini menerangkan tentang hukum persetubuhan suami isteri atau *jima'* dan memberi pengkhususan tentang isteri yang telah habis serta putus daripada

darah haid tetapi masih berada dalam keadaan berhadas besar kerana belum melakukan mandi hadas besar.

Firman Allah S.W.T:

وَيَسْرُؤُنَاكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَىٰ فَأَعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَظْهَرْنَ ۖ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Pada ayat ini, mengikut Jamaluddin (2010) rawi Syukbah, Imam Hamzah, Kisaie dan Kholaf al-‘Asyir membaca kalimah يَظْهَرْنَ dengan *tasydid* iaitu bersabdu dan berbaris atas atau *fathah* pada huruf *tho* ' "ط" serta *ha* ' "ه" yang membawa maksud sehingga mereka menyucikan diri daripada hadas besar dengan air mutlak (mandi hadas besar) selepas hilang darah haid. Hal yang demikian menerangkan perintah Allah SWT yang melarang suami daripada bersetubuh dengan isteri sebelum mereka (para isteri) menyucikan diri mereka dengan mandi hadas besar menggunakan air mutlak.

Sementara itu menurut Jamaluddin (2010) juga baki tujuh Imam iaitu Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru, Ibn 'Amir, rawi Hafs, Abu Jaafar dan Yaakub membaca kalimah يَظْهَرْنَ dengan *takhfif* iaitu tanpa sabdu pada huruf *tho* ' "ط" dan *ha* ' "ه" yang memberikan penafsiran sehingga mereka (para isteri) berhenti atau putus serta berakhir keluar darah haid daripada faraj mereka. Tafsiran ini menunjukkan Allah SWT memerintahkan suami agar mengasingkan diri yakni tidak melakukan persetubuhan dengan isteri sehingga mereka (para isteri) berhenti daripada keluarnya darah haid sahaja tanpa perlu menunggu untuk mandi hadas besar menggunakan air mutlak terlebih dahulu.

Ayat ini dibaca dengan dua wajah iaitu:

1. يَظْهَرْنَ *tasydid* iaitu bersabdu dan berbaris atas atau *fathah* pada huruf *tho* ' "ط" dan *ha* ' "ه".
2. يَظْهَرْنَ *takhfif* iaitu tanpa sabdu pada huruf *tho* ' "ط" dan *ha* ' "ه".

Kedua-dua wajah ini menggunakan kata kerja kala kini yang datang dalam keadaan المَبْنِيَّ لِلْمَعْلُومِ iaitu pelakunya dinyatakan yakni para isteri yang didatangi darah haid. Allah SWT melarang suami daripada melakukan persetubuhan dengan isteri yang sedang didatangi haid.

Kata kerja (يَطَهَّرْنَ) dengan *tasydid* iaitu bersabdu dan berbaris atas atau *fathah* pada huruf *tho* ' "ط" serta *ha* ' "ه" disandarkan kepada kata ganti diri ketiga "هن" dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) *ya'* dan akhiran (sufiks) *nun*. Ia dibaca dengan konteks kata ganti diri ketiga dengan tafsiran yang membawa maksud sehingga mereka menyucikan diri daripada hadas besar dengan air mutlak (mandi hadas besar) selepas hilang darah haid. Hal yang demikian menerangkan perintah Allah SWT yang melarang suami daripada bersetubuh dengan isteri sebelum mereka (para isteri) menyucikan diri mereka dengan mandi hadas besar menggunakan air mutlak.

Manakala Kata kerja (يَظْهَرْنَ) dengan *takhfif* iaitu tanpa sabdu pada huruf *tho* ' "ط" dan *ha* ' "ه" disandarkan kepada kata ganti diri ketiga "هن" dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) *ya'* dan akhiran (sufiks) *nun*. Ia dibaca dengan konteks kata ganti diri ketiga dengan tafsiran sehingga mereka (para isteri) berhenti atau putus serta berakhir keluar darah haid daripada faraj mereka. Tafsiran ini menunjukkan Allah SWT memerintahkan suami agar mengasingkan diri yakni tidak melakukan persetubuhan dengan isteri sehingga mereka (para isteri) berhenti daripada keluarnya darah haid sahaja tanpa perlu menunggu untuk mandi hadas besar menggunakan air mutlak terlebih dahulu.

5.2 Ayat 229, Surah Al Baqarah:

Ayat ini menerangkan tentang *khulu'* iaitu suatu proses pembubaran perkahwinan yang dituntut oleh isteri dengan keinginannya sendiri untuk bercerai dan berpisah daripada kehidupan bersama suami. Menurut Ridzuan (2016) definisi *khulu'* ialah isteri menebus dirinya agar dibebaskan oleh suaminya dengan cara mengembalikan mas kahwin yang telah mereka sepakati sebelum ini kepada suaminya.

Firman Allah S.W.T:

الْظَّلْمُ مَرَّتَانٍ فَمَسَاكُ بِمَعْرُوفٍ أَوْ تَسْرِيحُ بِإِحْسَنِ وَلَا يَجِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْنَاهُمْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا أَنْ يَخَافَا
أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ تِلْكَ حُدُودُ اللَّهِ فَلَا
تَعْتَدُوهَا وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُودَ اللَّهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Berdasarkan Syamsuddin (2002) Imam Hamzah, Abu Jaafar dan Yaakub membaca kalimah *يَخَافَا* dengan huruf *ya* berbaris depan atau *dhommah*. Manakala baki tujuh imam qiraat iaitu imam Nafi', Ibn Kathir, Abu Amru, Ibn 'Amir, Asim, Kisaie dan Kholaf 'Asyir membacanya dengan huruf *ya* yang berbaris atas atau *fathah*.

Ayat ini dibaca dengan dua wajah iaitu :

1. *يَخَافَا* dengan huruf *ya* berbaris depan atau *dhommah*
2. *يَخَافَا* dengan huruf *ya* yang berbaris atas atau *fathah*

Kata kerja (*يَخَافَا*) dengan huruf *ya* berbaris depan atau *dhommah* adalah kata kerja kala kini yang datang dalam keadaan *المبني للمجهول* iaitu pelakunya tidak dinyatakan dalam ayat (pasangan suami isteri). Ia disandarkan kepada kata ganti diri ketiga "هما" dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) *ya* dan akhiran (sufiks) *alif* dan *nun* pada asalnya sebelum huruf *nun* dihilangkan atau *dihazafkan* kerana didahului dengan perkataan *أَنْ*. Para mufassir menafsirkan bahawa ketakutan dan kebimbangan disandarkan ke atas sepasang suami isteri. Menurut Nasr (1993), pada hakikat yang sebenar, ketakutan dan kebimbangan tidak sepatutnya berlaku kepada pasangan suami isteri kerana mereka tidak takut untuk meninggalkan *hudud* (peraturan) Allah SWT melainkan rasa takut didatangkan ke atas mereka. Menurut Siti Fatimah (2011) impak kaedah bacaan al-Quran atau qiraat pertama ini menyebabkan hakim mahkamah syariah berkuasa sepenuhnya di dalam membubarkan perkahwinan suami isteri pada permasalahan *khulu'* walaupun tanpa persetujuan pasangan suami isteri.

Manakala kata kerja (*يَخَافَا*) dengan huruf *ya* yang berbaris atas atau *fathah* disandarkan kepada kata ganti diri ketiga "هما" dengan penambahan morfem

(afiks) awalan (prefiks) *ya'* dan akhiran (sufiks) *alif* dan *nun* pada asalnya sebelum huruf *nun* dihilangkan atau di*hazafkan* kerana didahului dengan perkataan أَن. Ia merupakan kata kerja dasar dengan menggunakan pola (فَعْل).

Para mufassir menafsirkan bahawa bacaan (يَخَافًا) dengan huruf *ya'* yang berbaris atas atau *fathah* bermaksud pasangan suami isteri bimbang mereka tidak dapat melaksanakan *hudud* (peraturan) Allah SWT di dalam menunaikan hak serta hubungan perkahwinan atau *munakahat* (Abdul Rahman, 2001). Mengikut Siti Fatimah (2011) juga, impak kaedah bacaan al-Quran atau qiraat kedua ini menyebabkan pembubaran perkahwinan tidak boleh dilaksanakan oleh hakim mahkamah syariah tanpa kehendak dan persetujuan suami isteri.

5.3 Ayat 19, Surah An-Nisa' :

Ayat ini menerangkan tentang larangan kepada suami agar tidak meyakiti isteri dengan niat untuk mengambil semula mahar atau sebahagian harta yang telah suami berikan kepada isteri. Suami boleh menuntut semula mahar atau sebahagian harta yang mereka berikan kepada isteri dengan sebab-sebab munasabah mengikut syarak.

Firman Allah S.W.T:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَجُلُ لَكُمْ أَنْ تَرْتُوا الْبَسَاءَ كَرِهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ لِتَذَهَبُوا بِبَعْضِ مَا ءَاتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَلْحَشَةٍ مُّبَيَّنَةٍ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَى أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

Mengikut Jamaluddin (2010) Imam Ibnu Kathir dan rawi Syukbah membaca kalimah مُّبَيَّنَةٍ dengan baris atas atau *fathah* pada huruf *ya'*. Menurut Habsy (1999) hal yang demikian menunjukkan keadaan *isim maf'ul* atau kata objek di dalam Bahasa Arab dan bererti terang-terangan iaitu sudah jelas akan perbuatannya. Sementara baki sembilan imam qiraat yang lain iaitu Imam Nafi', Abu Amru, Ibnu Amir, rawi Hafs, Hamzah, Kisaie, Abu Ja'afar, Yaakub dan Kholaf al-'Asyir membaca kalimah atau perkataan مُّبَيَّنَةٍ dengan huruf *ya'* yang berbaris bawah atau *kasroh*.

Ayat ini dibaca dengan dua wajah iaitu :

1. مُبَيِّنَةٌ dengan baris atas atau *fathah* pada huruf *ya* ’
2. مُبَيِّنَةٌ dengan huruf *ya* ’ yang berbaris bawah atau *kasroh*

Kata nama (مُبَيِّنَةٌ) dengan baris atas atau *fathah* pada huruf *ya* ’ adalah kata nama yang datang dalam keadaan *isim maf’ul* atau kata objek sebagai pengikat dan penerang kepada perkataan atau kalimah بِفَلْحِشَّةٍ yang bererti dengan perbuatan keji yang dinyatakan. Pelakunya dinyatakan di dalam ayat (isteri yang melakukan perbuatan keji). Ia disandarkan kepada kata kerja dengan kata ganti diri ketiga "هي" dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) *ya* ’ dan akhiran (sufiks) *ya* ’ dan *nun* iaitu يَأْتِيَنَّ yang membawa maksud isteri yang melakukan perbuatan keji yang dinyatakan. Kata nama (مُبَيِّنَةٌ) dengan baris atas atau *fathah* pada huruf *ya* ’ merupakan kata nama dengan penambahan satu huruf dengan menggunakan pola (فَعَّلَ). Kata nama ini membawa maksud “diterangkan”. Ia juga merupakan kata nama objek yang bertindak sebagai pelengkap kepada perkataan بِفَلْحِشَّةٍ. Para mufassir menafsirkan ayat ini dengan mengatakan bahawa perbuatan keji yang nyata sudah diketahui oleh khalayak ramai atau memadai orang lain selain isteri mendedahkan perbuatan keji tersebut. Menurut Muhammad (1988) impak qiraat atau kaedah bacaan al-Quran ini kepada hukum fiqh munakahat adalah suami harus untuk mengambil semula mahar apabila perbuatan keji isteri diketahui umum.

Manakala menurut Hasby (2010) juga kata nama (مُبَيِّنَةٌ) dengan huruf *ya* ’ yang berbaris bawah atau *kasroh* adalah kata nama objek atau *isim fa’il* yang datang dalam keadaan pelakunya dinyatakan dalam ayat (isteri yang melakukan perbuatan keji dan menzahirkannya). Ia disandarkan kepada kata kerja dengan kata ganti diri ketiga "هي" dengan penambahan morfem (afiks) awalan (prefiks) *ya* ’ dan akhiran (sufiks) *ya* ’ dan *nun* iaitu يَأْتِيَنَّ. Kata nama (مُبَيِّنَةٌ) dengan huruf *ya* ’ yang berbaris bawah atau *kasroh* merupakan kata kerja dasar tiga huruf dengan menggunakan pola (فَعَّلَ). Kata nama ini membawa maksud “menerangkan”. Ia juga merupakan kata nama subjek di mana ia melengkapkan makna perkataan sebelumnya بِفَلْحِشَّةٍ. Para mufassir menafsirkan bahawa isteri yang melakukan perbuatan keji itu sendiri menzahirkan dan mendedahkan perbuatan mereka sendiri. (Qosim, Muhammad 2008)

6. Penutup

Kajian yang telah dilakukan ini adalah berpandukan kitab qiraat dan tafsir serta fiqh khususnya tentang munakahat atau ilmu perkahwinan terkemuka di samping berpandukan maqasid syariah. Hasilnya, perbezaan qiraat atau cara bacaan dalam kalangan Imam Qiraat sepuluh yang mutawatir terbukti mendatangkan impak terhadap perbezaan tafsiran ayat-ayat munakahat di dalam al-Quran. Sementelahan itu, perbezaan qiraat tersebut tidak berlawanan di antara satu sama lain bahkan saling melengkapi dan menyeluruh maknanya. Perbezaan boleh berlaku dalam pelbagai sudut antaranya perbezaan pola (wazan) berbeza yang digunakan juga adalah ciri perbezaan qiraat yang membawa kepada perbezaan penafsiran oleh ahli tafsir dan fiqh. Sebagai contoh di dalam ayat 222, Surah al-Baqarah, perbezaan qiraat berlaku pada kata kerja kala kini, (يَظْهَرُونَ) dengan *tasydid* iaitu bersabdu dan berbaris atas atau *fathah* pada huruf *tho* ' "ط" serta *ha* ' "ه" pada bacaan pertama. Hal yang demikian adalah kerana kata kerja dasar bagi kata kerja tersebut terbina dengan tambahan dua huruf menggunakan pola (افْعَلْ). Sementara kata kerja kala kini (يَظْهَرُونَ) dengan *takhfif* iaitu tanpa sabdu pada huruf *tho* ' "ط" dan *ha* ' "ه" pada bacaan kedua. Hal tersebut adalah berdasarkan kata kerja dasar menggunakan pola (افْعَلْ). Seterusnya menghasilkan impak iaitu berlaku perbezaan penafsiran dalam kalangan para ulama tafsir dan fiqh munakahat. Selain itu, keadaan dan jenis kata kerja aktif dan pasif yang berbeza digunakan juga adalah ciri perbezaan qiraat yang membawa kepada perbezaan penafsiran oleh ahli tafsir dan fiqh munakahat. Contohnya, pada ayat 229, Surah Al-Baqarah, kata kerja kala kini pasif يَخَافًا dengan menggunakan pola (افْعَلْ) dan kata kerja kala kini aktif يَخَافًا menggunakan pola (افْعَلْ). Disamping itu, jenis kata nama (objek/subjek) juga adalah perbezaan di dalam qiraat yang memberi kesan berbeza kepada tafsir dan penentuan hukum fiqh. Misalnya, pada ayat 19, Surah an-Nisa', perbezaan berlaku di dalam aspek kata nama objek مُبَيَّنَةٌ dan kata nama subjek مُبَيَّنَةٌ. Justeru, ketiga-tiga aspek pada ayat-ayat munakahat yang terkandung di dalam al-Quran mempunyai perbezaan qiraat sepuluh dan memberi impak kepada perbezaan penafsiran ahli tafsir al-Quran dan penjelasan hukum fiqh munakahat. Secara tuntasnya, pemahaman terdapat qiraat sepuluh membantu di dalam memahami tafsiran ayat-ayat munakahat sekaligus memenuhi dan mencapai kesemua lima prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Rujukan

- Abābanah, Y.** (2016). *Al-Sarf al-Arabiyy al-Tahliliyy*. Irbid: Dar Al-Kitab Al-Thaqafiy.
- Abi Muhammad Makki Bin Abi Talib al-Qaisi,** *Al-kasyf 'An Wujuh Al-Qiraat al-Sab'a Wa 'Ilaliha Wahijajiha*, 1974.
- Abu Hayyan Muhammad Bin Yusuf.** *Al-Bahru al-Muhith Fi Al-Tafsir*. Dar al-Fikr, Beirut.
- Ahmad Muhammad Abu Bakr al-Qostolani,** *Lathoif Al-isyarat Li Funun al-Qiraat*, Majma' Al-malik Fahd, 2012.
- Al-Qisi Muhammad Makki.** (1984) *Al-Kasyfu 'An Wujuh al-Qiraat al-Sab' Wa 'Ilaliha Wa Hijajiha*. Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi.** (2003) *Al-Jami' Li Ahkam Al-Quran*. Dar 'Alam al-Kutub, al-Riyadh
- Al-Suyuti, Jalal al-Din.** *Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran*. Al-Maktabah al-'Asriyyah Shida Beirut. 1987.
- Muhammad Bin Jarir.** *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil Al-Quran*. Muassasah al-Risalah.
- Ibn Manzhur.** *Lisan al-'Arab*. Dar Shodir Beirut.
- Jalaluddin al-Suyuti. Jalauddin al-Mahali.** *Tafsir al-Jalalain*. Dar al-Mustofa. 2013
- Jamaluddin Muhammad Syaraf.** *Al-Qiraat al-'Asyr al-Mutawatirah min Thoriq al-Syatibiyah wa al-Durrah*. Dar al-Sahabah li al-Turath bi Tanta. 2006
- Jamaluddin Muhammad Syaraf.** *Taujih al-Qiraat al-'Asyr min Thoriq Thoyibah al-Nasyr*.
- Muhammad Muhammad Salim Muhaisin,** *al-Muhazzab fi al-Qiraat al-'Asyr*.
- Muhammad Qajwi.** *Tafsir Al-Quran Bi Al-Quran (Dirosatan Tarikhiyyatan Wa Nazhariyyatan)*, Markaz al-Dirasat al-Quraaniyyah & al-Rabithah al-Muhammadiyah Li al-'ulama'. 2015

Muhammad Zhanun Yunus Fathi al-Rasyidi. Isykaliyat Ziyadat al-Mabna Wa Dalalatuha ‘ala Ziyadat al-Ma’na (Dirasatan Tathbiqiyyatan ‘ala al-Sin Wa Saufa Fi Al-Quran Al-Karim. *Majallat Abhath Kulliyyah al-Tarbiyyah al-Asasiyyah*. Jilid 8, Bil.4, 178-207

Muneer Ahmad Al-Zubaidi. Athar al-qiraat al-Quraaniyah Fi Bayan al-Ma’ani Wa al-Dalaalat al-Tafsiriyyah Fi Qishah Maryam ‘Alaiha al-Salam. *Journal of Al-Quds Open University for Humanities and Social Studies*, 1:48, 92-102. 2019

Qosim Ahmad al-Dajwi, Muhammad Sodiq al-Qomhawi. *Qolaid al-Fikr Fi Taujih al-Qiraat al-‘Asyr*. 2008.

Sibawayh. (1988). *Al-Kitab*. Kaherah: Maktabah Khanji.

Mohd Salleh Bin Haji Ahmad, *Khilaf Ulama dalam hukum fiqh : Sebab dan adab-adabnya*, 1-26, 2007.

Herawati, H. (2017). Tinjauan Awal: Gramatika: *Jurnal Ilmiah Kebahasaan Dan Kesastraan*, 5(1), 37–47.
<https://doi.org/10.31813/gramatika/5.1.2017.91.37--47>

Hikmah Zakaria: Hubungan Qiraat Dan Fiqh. (n.d.). Retrieved February 1, 2020, from <http://kalamhurunain.blogspot.com/2011/06/hubungan-qiraat-dan-fiqh.html>

Siti Fatimah Salleh (2011). Perbezaan Qiraat Mutawatirah dan Aplikasinya dalam Ayat-Ayat Munakahat. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 4(0), 13–26.

Shaharuddin Saad (2015). Sejarah Bacaan Riwayat Hafz

Melalui Aliran Al-Syatibi Dan Ibn Al-Jazari, *Jurnal Pengajian Islam, Akademi Islam KUIS*.

Nursalam, (2016). Metode Penelitian. (2013). Qiraat Mutawatir Dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh: Kajian Pengetahuan Dan Pendedahan Dalam Kalangan Ilmuwan Islam Di Terengganu 1.1. *Journal of Chemical Information and Modeling*, 53(9), 1689–1699.
<https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

‘**Aitani, Abd al -Rahman** (1998), al-Mufid fi ‘Ilm al -Tajwid , cet.2, Beirut, Muassasah al-Rayyan, h.147. 23, (November), 23–35.

Ridzuan Bin Hashim. (2016). *Al-Fiqh al-Manhaji ‘Ala Mazhab al-Imam al-Syafie (terj.)*, Jilid 4, Pustaka Salam Sdn Bhd, Hlmn. 812.

Nasr Bin Ali Bin Muhammad Abi Abdillah. (1993). *Al-Mudhahu Fi Wujud al-Qiraat Wa ‘Ilaliha*, Jilid 1, Jeddah, Hlmn. 327. ‘*An Wujud*.

Abdul Rahman Bin Muhammad Bin Zanjalah. (2001). *Hujjah Al-Qiraat, Lubnan, Muassasah al-Risalah, Hlmn. 135.*

Siti Fatimah Salleh. (2011). Perbezaan Qiraat Mutawatirah Dan Aplikasinya Dalam Ayat-Ayat Munakahat, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, Jilid 4, Hlmn. 7.

Muhammad Habsy. (1999). *Al-Qiraat Al-Mutawatirah Wa Atharuha Fi Al-Rasm Al-Qurani Wa al-Ahkam al-Syar’iyyah*, Damsyik, Dar al-Fikr, Hlmn. 292.

Abi Abdullah Muhammad Bin Ahmad. (1988). *Al-Jami’ Li Ahkam al-Quran*, Jilid 6, Lubnan : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Hlmn. 159.

Author’s Biography

Ahmad Syahir Ahamad Nzly, is a Master (MA) Student of Contemporary Islamic studies at Universiti Teknologi Mara (UITM), Malaysia. He received BA (Hons) in Tahfiz al-Quran and al-Qiraat from University of Al-Azhar, Cairo, Egypt. His areas of interest include the Qiraat of Quran and Ulum Quran Studies. He travels and lectures widely. Currently, he is a Junior lecturer at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). He can be contacted at syahirnzly@kuis.edu.my.